

Kaum India tak dipinggir dalam bantuan kerajaan

Masyarakat India tidak dipinggirkan dalam pemberian bantuan kerajaan yang disalurkan Kementerian atau agensi walaupun di luar Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Sebagai contoh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pada 2022, kerajaan melaksanakan beberapa inisiatif termasuk memperuntuk RM500

juta kepada masyarakat India menerusi Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Tiga tahun selepas itu beliau berkata, jumlah STR yang disalurkan kepada masyarakat itu meningkat kepada RM972 juta.

“Jadi, kalau mengatakan bahawa (bantuan) masyarakat India itu khususnya kepada MITRA, itu tidak benar,” katanya menjawab soalan tambahan S Ke-

savan (PH-Sungai Siput) pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri semalam.

Anwar berkata, jumlah RM972 juta itu di bantuan berbeza daripada dana yang disalurkan oleh MITRA.

Perdana Menteri berkata, begitu juga Skim Jaminan Kredit Perumahan yang tidak meminggirkan kaum India walaupun majoriti penerima ini-

siatif itu ialah masyarakat Melayu.

Beliau berkata, kerajaan turut memperkenalkan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) untuk masyarakat India membabitkan peruntukan RM1.2 bilion.

“Peruntukan program pembangunan sosioekonomi masyarakat India di bawah MITRA kita sediakan RM100 juta,” katanya.